


# WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## K A N D U N G A N :

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM. CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM. CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dofah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63



No. Fail MBNS. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—: ★ :—

Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Perseatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

**DATO' RAIS YATIM**  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



كبرياتوان سجاړا ماليسيا  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY**

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

---

## SERPIHAN RASA

—: 0: —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD. ISA DATO' HJ. AD. SAMAD PMC)

Pengerusi

Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

# RENCANA PENGARANG



Buat sekian kalinya 'Warisan' telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.


Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.

# JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1981 — 82



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan  
(Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakari  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jejebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN**  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

—————: ★ :—————

- Pengerusi* : En. Hashim bin Jasa, AMN.
- Setiausaha* : En. Ramthan bin Hj. Maarof
- Pen. Setiausaha* : En. Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa* : Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PIK.  
En. Abd Hamid bin Idris  
En. Mustafa bin Hj. Sharif  
En. Mohd. Hisa bin Tahat  
En. Tan Ghee Peng, AMN.  
En. Ahmad bin Sihat  
En. Mazlan bin Abdullah  
En. Ibrahim bin Mustafa  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.  
Puan Aishah bte Md. Sharif  
Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

—————: ★ :—————

- Pengarang* : En. Mazlan bin Abdullah (Ketua)  
En. Ibrahim bin Mustafa  
En. Mohd. Misan bin Mastor
- Rekabentuk* : En. Abd. Hamid bin Idris
- Kewangan & Pemasaran* : En. Tan Ghee Peng, AMN.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.



## JAWATANKUASA PENYELIDIKAN

-----: o: -----

Pada awal tahun 1981, satu jawatankuasa penyelidikan telah ditubuhkan dengan tujuan membuat penyelidikan terhadap kesan daninggalan sejarah Negeri Sembilan yang masih belum diterokai selama ini. Seperti di negeri-negeri lain di negara ini, Negeri Sembilan juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri bahkan ada yang "unique" di antarainggalan dan kesan sejarah itu. Memang disedari betapa rumitnya nanti untuk tugas besar ini memandangkan mereka yang dilantik hanya dapat melakukan secara sambilan. Mereka yang berminat dan dipertanggung-jawab dalam hal ini rata-ratanya terdiri daripada guru dan guru besar sedangkan jawatankuasa ini merupakan sejarawan sambilan, tetapi memerlukan inisiatif dan keupayaan menulis untuk mencungkil bahan sejarah yang terpendam. Jawatankuasa ini lebih merupakan satu bengkel yang mengadakan perjumpaan dari masa ke masa, bertujuan menulis hasil kajian yang telah dijumpai. Daerah kajian yang diputuskan ialahinggalan sejarah lampau dan sezaman dan sedapat mungkin bahan yang belum pernah diterbit lagi.

Dalam mesyuarat pertama pada 26-2-1981 jawatankuasa meneliti beberapa syor bahan projek serta daerahnya, dan mengambil keputusan seperti berikut:

### A. Sejarah lampau.

- (a) Masjid Kedulang atau Kuala Dulang, Jelebu.
- (b) Gunung Datuk Rembau.
- (c) Danau Mas, Rembau.
- (d) Batu Hidup Terachi, Kuala Pilah.
- (e) Sejarah Ulu Muar, Kuala Pilah.
- (f) Kota Simpang, Linggi.

### B. Sejarah sezaman.

- (a) Keretapi Kuala Pilah-Bahau.
- (b) Perkampungan Bugis di Port Dickson.
- (c) Singapore Street, Seremban.
- (d) Datuk Haji Mohd. Yusof Ahmad (Allahyarham).
- (e) Mukim Pantai, Seremban.

Kerana jawatankuasa ini berbentuk bengkel yang bermatalamat penghasilan tulisan maka bilangan keanggotaannya terhad. Tiap-tiap ahli yang menganggotainya dikehendaki menyelidik, melawat dan seterusnya menulis dalam bentuk rencana. Memang diakui kemungkinan berlaku 'armed chair historian' disebabkan halangan-halangan yang dialami oleh para ahli tetapi ia dikira sebagai satu percubaan pertama untuk menimba kembali bahan sejarah, tradisi, budaya model dongeng yang terpendam untuk ditimbulkan dengan harapan pelajar-pelajar sejarah akan datang mungkin membuat kajian-kajian yang lebih mendalam.

Mereka yang menganggotai jawatankuasa adalah berikut:

- (1) Haji Mohd. Nor Long — Pengerusi.
- (2) Dato' Haji Mohd. Sharif Fakil Hassan.
- (3) Ibrahim Mustafa.
- (4) Puan Echam bt Haji Hassan.
- (5) Norini bt Ali.
- (6) Kamariah Haji Sabih.
- (7) Haji Mohd. Arif Osman.
- (8) Nordin Bakri.
- (9) Abdul Aziz Saleh.
- (10) Mohd. Mokhtar bin Mohd. Noor.

Hasi sulung dari jawatankuasa ini dapatlah dibanggakan dan dalam keluaran WARISAN kali ini dua daripada sebelas yang diselidiki telah dapat diterbitkan iaitu:

- (a) Masjid Kedulang atau Kuala Dulang, Jelebu.
- (b) Kota Simpang.

Insyallah dalam keluaran WARISAN akan datang akan diterbitkan segala hasil penyelidikan selebihnya yang kini sedang rancak di kaji.

# SEJARAH MASJID KUALA DULANG

Disusun semula oleh Mohd Isa Jadi

daripada karangan asal Encik Ismail Abdullah\*,

Rumah Murah, Titi, Jelebu.



Seperti tempat-tempat lain, daerah Jelebu di Negeri Sembilan ini juga mempunyai banyak tempat-tempat bersejarahnya yang menarik. Di antara tempat-tempat bersejarah yang menarik ini, mungkin yang paling terkenal ialah sebuah masjid yang dianggap sebagai masjid yang tertua sekali di daerah ini, yang dipanggil Masjid Kuala Dulang.

Disebabkan tiadanya bukti-bukti sejarah yang nyata, maka penulisan mengenai sejarah asal usul Masjid Kuala Dulang ini tidaklah dapat dilakukan secara ilmiah dan terpaksa didasarkannya semata-mata kepada cerita-cerita mulut orang tua-tua yang telah diwarisi secara turun temurun sejak zaman berzaman dahulu. Justru kerana itu, maka tarikh yang sebenarnya bila masjid ini dibina tidaklah dapat ditetapkan. Namun adalah dipercayai bahawa masjid ini telah diasaskan sejak awal kedatangan Islam ke daerah Jelebu ini, mungkin pada abad ke 16 atau 17 dahulu, iaitu semasa penduduk-penduduk daerah ini masih terdiri dari suku-suku kaum orang asli lagi.


Masjid Kuala Dulang ini adalah sebuah masjid yang dianggap sebagai keramat dan berpuaka oleh penduduk-penduduk di daerah Jelebu ini dan di Negeri Sembilan ini amnya. Masjid ini terletak di suatu kawasan tanah lapang dan berpamam, di tepi tebing sebatang sungai yang disebut sebagai Sungai Lumut atau Batang Jelebu, di kariah Kampung Peninjau. Jauhnya ialah lebih kurang 3 kilometer (2 batu) dari pekan Kuala Klawang.

Masjid Kuala Dulang ini pada asalnya adalah beratapkan ijuk. Dikatakan bahawa terdapat dua buah masjid lagi, pun beratapkan ijuk, yang sama keturunan "puakanya" dengan Masjid Kuala Dulang ini, iaitu sebuah di Kampung Majau di daerah Kuala Pilah, manakala yang sebuah lagi ialah di Karak dalam negeri Pahang. Menurut cerita orang tua-tua, Puaka di Masjid Kuala Dulang ini adalah Puaka yang terkanan sekali di antara Puaka-Puaka seketurunan di ketiga-tiga buah masjid itu. Oleh kerana itulah maka dikatakan bahawa jika sekiranya seseorang itu telah berniat untuk membayar sesuatu nazar di Masjid Dulang ini, maka nazarnya itu tidak boleh tidak mestilah dibayar di Masjid Kuala Dulang juga, tidak boleh dibayar di Masjid Majau atau di Masjid Karak. Sebaliknya pula, jika sekiranya seseorang itu berniat untuk membayar sesuatu nazar di Masjid Majau atau di Masjid Karak, maka nazar itu boleh pula dibayar di Masjid Kuala Dulang.

Merujuk semula kepada asal usulnya Masjid Kuala Dulang ini, adalah dipercayai bahawa sebelum kedatangan Islam ke daerah Jelebu ini, penduduk-penduduk di sini adalah terdiri dari orang-orang asli (Sakai) yang diketuai oleh seorang Batin, bernama Batin Moyang Canggai Besi. Isteri Batin Moyang Canggai Besi ini bergelar Moyang susu Empat. Mereka mempunyai seorang anak lelaki bernama Batin Maabud. Kaum Sakai ini membuat tempat kediaman mereka di tepi tebing Sungai Lumut (yang sekarang disebut Batang Jelebu).

Adalah juga dikatakan bahawa agama Islam telah dibawa masuk ke daerah Jelebu ini dari Minangkabau, iaitu oleh seorang yang bergelar Datuk Nika bersama seorang mudim yang bernama Mudim Khatib Raja. Kononnya setibanya mereka berdua ke Tanah Semenanjung ini dari Minangkabau, mereka telah mendarat di suatu tempat yang belum lagi diketahui namanya. Di kawasan tersebut terdapat sebatang sungai yang besar lagi dalam serta sukar untuk diseberangi. Sebagai ikhtiar untuk menyeberangi sungai tersebut Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja telah menebang sebatang pokok Mahang untuk dijadikan sebagai titian. Pohon kayu tersebut telah dikerat di bahagian hujungnya. Kononnya diceritakan lagi bahawa bahagian pucuknya yang dikerat itu telah dihanyutkan air hinggalah sampai ke Aceh, lalu diambil orang di sana dan dibuat perahu layar atau kapal. Jadi, mengikut kepelatan orang Minangkabau, tempat pohon kayu itu ditebang dan dikerat diberi nama 'Karek Batang Mahang' yang bermaksud 'Kerat Batang Mahang'. Nama itu kemudiannya telah diubahsuai pula oleh orang Melayu sehingga akhirnya sebutan itu telah menjadi 'Karak-Pahang' sampailah ke hari ini.

Di 'Karak Batang Mahang' (Karak-Pahang) ini juga, Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja telah mengumpulkan semua orang-orang Sakai di situ. Melalui berbagai cara pujuk rayu, kesemua orang-orang Sakai itu akhirnya berjaya diislamkan. Sesudah tugas mengislamkan penduduk-penduduk di situ selesai, maka Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja pun meneruskan perjalanan mereka ke kawasan pendalaman memudik sebatang sungai. Akhirnya mereka telah sampai di suatu tempat yang luas dan pasirnya terhampar menjemur. Nama tempat itu ialah Pasir Panggil. Penduduk-penduduknya juga terdiri dari orang-orang Sakai, diketuai oleh seorang Batin bernama Datuk Batin Jelebu.



Masjid Kuala Dulang sekarang ini, dilihat dari sebelah jalan masuk dari pekan Kuala Klawang. Sungai yang mengalir di bawah jambatan yang kelihatan dalam gambar itu ialah Sungai Lumut atau Batang Jelebu. Sungai ini, yang dahulunya dalam airnya, sekarang ini sudah menjadi cetek.

Sesudah mengislamkan penduduk-penduduk di Pasir Panggil ini, Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja meneruskan lagi perjalanan ke hulu sungai. Ada


kalanya perjalanan itu terpaksa juga mengikut jalan darat melalui gaung, lurah dan bukit. Setelah sekian lama berjalan, akhirnya mereka telah menemui sebatang sungai yang airnya berlumut (iaitu Sungai Lumut atau Batang Jelebu yang ada sekarang ini). Sebaik saja sampai di kawasan ini, mereka berdua telah naik ke daratan di tepi sungai itu lalu mendaki ke suatu kawasan yang agak tinggi juga untuk memerhatikan perihal keadaan kawasan di sekeliling tempat itu. Tempat memerhati (atau meninjau) inilah yang kemudiannya dinamakan Kampung Peninjau, sehinggalah ke hari ini.

Dari tempat 'meninjau' ini juga Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja telah terlihat suatu kawasan pamah yang luas dan cantik. Setelah berunding, mereka akhirnya mengambil keputusan untuk meneroka di tempat itu bagi dijadikan kawasan perkampungan dan tempat bercucuk tanam. Sedang mereka sibuk melakukan kerja menebas menebas itu, maka datanglah Datuk Batin Canggai Besi anak beranak menemui mereka. Sejak dari pertemuan itu maka mulalah terjalin hubungan yang ikrab di antara kedua-dua belah pihak itu. Melalui hubungan yang ikrab ini juga, maka dapatlah Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja memujuk Datuk Batin Canggai Besi dan semua anak buahnya supaya bersetuju menganut agama Islam yang maha suci. Menurut ceritanya, orang yang mula-mula sekali dikhatankan di Peninjau itu ialah Datuk Batin Jelebu yang turut datang bersamasama dengan Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja dari Pasir Panggil dulu. Selepas itu barulah Datuk Batin Canggai Besi dan segala anak buahnya pula dikhatankan. Sesudah mereka sembuh, maka kerja-kerja meneroka perkampungan di kawasan itu pun diteruskan semula. Kemudiannya lalulah mereka mendirikan sebuah *bangsal* di situ, yang beratapkan ijuk, untuk dijadikan sebagai tempat belajar hukum-hukum agama. Kononnya bangsal yang beratapkan ijuk ini jugalah kemudiannya dijadikan sebagai masjid, yang menjadi asas kepada bangunan Masjid Kuala Dulang yang ada pada hari ini.

Kononnya juga diceritakan bahawa suatu keanehan telah berlaku dalam masa mereka melakukan kerja-kerja meneroka tempat kediaman dan tempat bercucuk tanam di Peninjau itu. Kejadian anih itu ialah, sebaik sahaja mereka selesai menjalankan kerja-kerja pada setiap hari, mereka sentiasa mendapati *sedulang* nasi siap sedia terhidang di dalam masjid (*bangsal*) itu, yang mencukupi untuk mereka semua, dengan tiada diketahui siapakah gerangan yang menghantarnya ke situ. Kejadian anih ini berterusan sehinggalah segala kerja-kerja penerokaan itu selesai dijalankan dan kawasan perkampungan di Peninjau itu siap dibina dengan sempurnanya. Akhirnya, pada suatu malam Datuk Nika telah bermimpi bahawa yang menghantar nasi *sedulang* setiap hari itu ialah Keramat yang menunggu Masjid Kuala Dulang itu dan juga dua buah lagi masjid yang sama kejadiannya di Majau dan di Karak itu.

Sesudah saja kawasan perkampungan di Peninjau itu sempurna dibuka serta didiami orang, maka pada suatu hari Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja telah bercadang pula untuk pergi meneroka di tempat lain. Tetapi setelah bersiap-siap, dengan tidak semena-mena pula kedua-duanya telah ghaib di situ, dengan tidak diketahui langsung kemanakah gerangan perginya sehinggalah ke hari ini.

Selepas Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja ghaib dari pandangan itu Kampung Peninjau terus menjadi maju dan makmur. Sempena kejadian anih nasi *sedulang* itu, maka masjid yang beratapkan ijuk itu pun disahkan namanya oleh penduduk-penduduk di situ sebagai Masjid Kuala Dulang. Manakala tempat Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja ghaib itu dijadikan orang pula sebagai tempat bagi pawang-pawang di Jelebu ini membakar kemenyan dan berseru kepada Keramat dan Puaka Masjid Kuala Dulang itu. Letaknya tempat ini ialah di tepi sebelah kiri jalan masuk ke masjid itu.




Masjid Kuala Lumpur Dulang yang terletak di kawasan pamah, di kelilingi di tiga penjuru oleh sawah padi. Kelihatan jauh di belakang sana ialah Kampung Ulu Jelebu. Masjid Kuala Lumpur Dulang dilihat dari bahagian belakang Bukit yang kelihatan.

Pada hari ini Masjid Kuala Lumpur Dulang ini masih lagi menjadi tumpuan bagi mereka yang ingin membayar niat atau nazarnya di situ. Walaubagaimana pun bangunan masjid itu yang ada pada hari ini tidaklah lagi beratapkan ijuk kerana sudah diganti dengan atap zing. Bangunan baru masjid ini sebenarnya telah dibina di zaman Datuk Abdullah bin Datuk Panglima Muda memerintah sebagai Datuk Undang Luak Jelebu ini (1902-1945). Menurut ceritanya, semasa dilakukan istiadat menegakkan tiang tengah Masjid Kuala Lumpur Dulang itu, tiada siapa pun yang dapat menegakkan tiang tersebut, walaupun sudah beberapa kali dilakukan secara beramai-ramai. Sesudah semua ikhtiar gagal untuk menegakkan tiang itu, maka akhirnya tampillah Datuk Undang Abdullah ke hadapan, lalu mengangkat dan menegakkannya dengan mudah sahaja tanpa dibantu oleh sesiapa pun.

Diberitakan juga, tukang yang menyiapkan bangunan masjid itu ialah seorang tukang yang berasal dari Kampung Terachi, Kuala Pilah, bernama Tukang Akob (Yaakob). Beliau telah dibantu oleh seorang tukang lagi, bernama Tukang Omar. Kononnya tukang berdua itu telah menyiapkan bangunan masjid yang baru itu tanpa menggunakan walau barang sebatang paku besi pun.

Pada hari ini juga, bangunan asalnya yang berbentuk limas itu, dari bahagian ruang tengahnya hinggalah ke mikrab, masih lagi wujud dalam bentuk seperti ianya mula dibina di zaman Datuk Undang Abdullah dahulu. Namun sejak selepas kemerdekaan, beberapa tokoh tambah kepada bangunan asal itu sudah dilakukan, terutamanya di bahagian hadapan masjid itu, untuk mengisi keperluan orang-orang yang datang berjemaah ke situ, yang kian hari kian bertambah ramai. Begitu juga bangunan itu sekarang sudah pula dibekalkan dengan api elektrik dan air paip. Di samping berbagai perubahan yang telah dialami oleh bangunan Masjid Kuala Lumpur Dulang itu sendiri, perubahan yang agak ketara juga telah berlaku

pada sungai yang sentiasa mengalir berhampiran dengan masjid itu. Kalau pada masa dahulu Sungai Lumut atau Batang Jelebu itu adalah sebatang sungai yang dalam airnya sehingga ada orang mati lemas di situ, pada hari ini sungai itu sudah menjadi cetek, sehinggakan di setengah-setengah tempat airnya hanyalah melebihi sedikit sahaja daripada paras buku lali dalamnya.



Masjid Kuala Dulang dilihat dari bahagian belakang. Bukit yang kelihatan di hadapan masjid itu ialah Bukit Peninjau, tempat Datuk Nika dan Mudim Khatib Raja "meninjau" kawasan di sekitar tempat itu dahulu.

**\*Catitan :**

Encik Ismail bin Abdullah, 58 tahun, ialah seorang Penulis Awam (Petition Writer) sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Beliau pernah menulis mengenai "Riwayat Masjid Kuala Dulang" ini untuk Mr. W.J. Watts, Pegawai Daerah Jelebu (1953-1955), dan juga untuk Mr. M.C.ff. Sheppard (sekarang Tan Sri Haji Mubin Sheppard), Penasihat British yang terakhir di Negeri Sembilan ini, sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Beliau telah merakamkan "Riwayat Masjid Kuala Dulang" ini dari cerita lisan oleh Allahyarham Datuk Panglima Perang Mahat, dan juga dari cerita lisan oleh datuknya sendiri, Allahyarham Haji Mohd Zain bin Salleh. Karangan beliau (1954) untuk kedua-dua orang pegawai pentadbir British seperti yang tersebut di atas, telah juga mendapat pengesahan oleh Allahyarham Tuan Syed Alwi bin Syed Idrus, semasa beliau itu masih lagi menyandang jawatan Datuk Lembaga (Datuk Ombi), Luak Jelebu ini.